

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

JKE 317 - Ekonomi Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi TIGA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Kertas soalan ini mengandungi 4 soalan. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan.
 - Tunjukkan jalan penghitungan yang diperlukan oleh soalan. Jawapan yang tidak menunjukkan jalan penghitungan tidak akan mendapat markah sepenuhnya.
 - Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.
-

...2/-

Jawab SEMUA soalan.

1. Dua buah negara, Negara *A* dan Negara *B* boleh mengeluarkan dua komoditi, *X* dan *Y*. Di Negara *A*, setiap unit faktor pengeluaran boleh mengeluarkan $10X$ atau $20Y$. Di Negara *B* pula setiap unit faktor pengeluaran yang sama boleh mengeluarkan $10X$ atau $15Y$.

Sekiranya kedua-dua negara itu berdagang:

- [a] Tunjukkan dengan cara pengiraan, komoditi manakah yang akan menjadi pengkhususan bagi Negara *A* dan Negara *B*?
(5 markah)
- [b] Hitungkan harga relatif perdagangan atau harga pertukaran *X* dan *Y* yang akan wujud apabila kedua-dua negara itu berdagang.
(5 markah)
- [c] Pengkhususan menambahkan kesan penggunaan dan kesan pengeluaran. Jelaskan makna kedua-dua kesan ini. Gunakan gambar rajah jika perlu.
(5 markah)
- [d] Katalah tarif dikenakan ke atas komoditi *X*. Jelaskan kesan yang akan timbul akibat daripada pengenaan tarif itu.
(10 markah)
2. Teori "kebaikan bandingan" menunjukkan perdagangan bebas dapat memberi kebaikan kepada masyarakat di negara-negara yang berdagang. Bagaimanapun, kita mendapati masih banyak negara yang mengenakan tarif ke atas perdagangan antarabangsa.
- Berikan LIMA alasan untuk menyokong pengenaan tarif. Hujahkan kebenaran alasan-alasan yang anda berikan itu. Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk menyokong hujah-hujah anda.
(25 markah)
3. Teori Heckscher-Ohlin mengatakan bahawa negara yang kaya dengan sesuatu faktor pengeluaran tertentu, secara relatif akan mengeluarkan dan mengeksport komoditi yang berintensifkan faktor pengeluaran tersebut.
- Bagaimanapun, berdasarkan Paradoks Leontief dan konsep intensiti faktor terbalik dakwaan teori Heckscher-Ohlin itu TIDAK SEMESTINYA BENAR. Gunakan rajah-rajah yang sesuai untuk menyokong hujah ini.
(25 markah)

...3/-

4. Sejak dahulu hingga sekarang pelbagai pertubuhan antarabangsa telah ditubuhkan bagi menguruskan perdagangan antarabangsa di peringkat dunia.

Secara ringkas perkenalkan GATT. Senaraikan objektif penubuhan GATT dan huraikan setiap objektif itu. Berikan penilaian anda tentang fungsi yang dimainkan oleh GATT.

ooo000ooo

